

Rujukan kami :UMPSA.01.16.100-6/3/53

Tarikh : 17 Julai 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

YH. Dato'/Datin/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan

PEMAKLUMAN MENGENAI GARIS PANDUAN PENJENAMAAN NAMA JALAN, BULATAN, TASIK, BANGUNAN, MERCU TANDA, ASRAMA PELAJAR, BILIK MESYUARAT DAN MAKMAL UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) Ke-248 Bil.2/2025 telah meluluskan penjenamaan nama jalan, bulatan, tasik, bangunan, mercu tanda, asrama pelajar, bilik mesyuarat dan makmal Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dalam memelihara keseragaman dan meningkatkan jenama serta visibiliti universiti.

3. Bersama-sama dengan ini di lampirkan garis panduan penjenamaan sebagai rujukan kepada seluruh warga termasuklah anak-anak syarikat UMPSA dalam memastikan keseragaman dan menampilkan imej korporat universiti.

4. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh menghubungi urusetia Jawatankuasa Penjenamaan, Pusat Komunikasi Korporat, Encik Wallid Wahidi Hamzah di talian 017-947 6662 atau Puan Hafizatulazlin Abdul Aziz di talian 012-626 1629 atau email pro@umpsa.edu.my.

Segala kerjasama YH. Dato'/Datin/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan Amanah



MIMI RABITA BINTI ABD WAHIT
Pengerah
Pusat Komunikasi Korporat
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI

SENARAI EDARAN:

- 1. YBhg. Profesor. Ts. Dr. Yatimah binti Alias**
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
- 2. YBhg. Profesor. Ts. Dr. Kamal bin Yusoh**
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa
- 3. YBhg Profesor. Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni /Menjalankan Fungsi
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi
- 4. YH. Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar /Ketua Pegawai Operasi
- 5. Puan Norliza binti Arshad**
Menjalankan fungsi Bendahari
- 6. Cik Kamariah binti Gono**
Ketua Pustakawan
- 7. Puan Marlina binti Mamat**
Penasihat Undang-undang
- 8. Semua Penolong Naib Canselor**
- 9. Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
- 10. Ketua Pegawai Maklumat**
- 11. Ketua Pejabat Naib Canselor**
- 12. Semua Pengurus Besar/ Pengurus Kanan**
- 13. Semua Pengarah Kanan**
- 14. Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Bahagian/ Unit**
- 15. Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
- 16. Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**



اؤنفرسٲٲٲى ملٲسىٲا قهغ السلطان عٲء الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

**GARIS PANDUAN PENJENAMAAN NAMA JALAN,
BULATAN, TASIK, BANGUNAN, MERCU TANDA, ASRAMA
PELAJAR, BILIK MESYUARAT DAN MAKMAL
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
(UMPSA)**

SENARAI REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab pemegang prosedur ini supaya salinan prosedur ini dikemaskinikan dengan cara memasukkan segala pindaan seperti dicatatkan di bawah:

Keluaran	Tarikh Kuat Kuasa	Tarikh Pindaan	Kelulusan	Keterangan

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	Muka surat
1.	Tujuan	2
2.	Objektif	2
3.	Skop	2
4.	Rujukan	2
5.	Glosari	3
6.	Penggunaan Bahasa	3
7.	Kaedah Penamaan	3
	7.1 Fakulti/ Bangunan PTJ	3
	7.2 Bangunan Guna Sama	3
	7.3 Nama Jalan	7
	7.4 Nama Kaedah Penamaan Bulatan	9
	7.5 Nama Tasik	10
	7.6 Nama Mercu tanda	11
	7.7 Nama Asrama Pelajar	11
	7.8 Bilik Mesyuarat	8
	7.9 Makmal	8
8.	Peranan dan Tanggungjawab	11
9.	Pemakaian	12
10.	Tarikh Kuat Kuasa	12

1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan untuk memberi panduan berkaitan penjenamaan nama jalan, bulatan, tasik, bangunan, mercu tanda, asrama pelajar, bilik mesyuarat dan makmal universiti untuk rujukan semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) UMPSA.

2.0 OBJEKTIF

Objektif garis panduan penjenamaan nama jalan, bulatan, tasik, bangunan, mercu tanda, asrama pelajar, bilik mesyuarat dan makmal universiti adalah seperti berikut:

- 2.1 Menjelaskan kaedah penjenamaan mengikut syarat dan panduan yang ditetapkan.
- 2.2 Menjenamakan semula nama selari dengan hala tuju universiti dan mengikut tema yang ditetapkan.
- 2.3 Memastikan penjenamaan nama dibuat secara teratur bagi meningkatkan jenama dan visibiliti universiti.

3.0 SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan pihak yang berurusan dengan universiti mengikut kesesuaian pemakaian.

4.0 RUJUKAN

- 4.1 Melalui Am Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2022, Jabatan Perdana Menteri, adalah ditetapkan bahawa semua kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang hendak menamakan bangunan Kerajaan Persekutuan atau menamakan semula bangunan Kerajaan Persekutuan perlu mengikuti dan mematuhi peraturan-peraturan berikut:
 - i. Nama-nama Duli Yang Maha Mulia Raja-raja yang masih hidup atau telah mangkat boleh digunakan;
 - ii. Nama-nama pembesar/pemimpin Negara/individu berpengaruh yang telah meninggal dunia sahaja yang boleh digunakan. Nama-nama tersebut hendaklah mempunyai kaitan dengan bangunan Kerajaan Persekutuan; dan
 - iii. Penggunaan nama-nama lain selain daripada yang dinyatakan di atas boleh digunakan. Contohnya seperti nama tumbuhan, bunga, buah-buahan, haiwan atau nama-nama lain yang sesuai.
 - iv. Penamaan bangunan Kerajaan Persekutuan adalah dilaksanakan berdasarkan justifikasi yang khusus sahaja dan tidak semestinya semua bangunan Kerajaan Persekutuan perlu dinamakan.

- 4.2 Mesyuarat JKPU Ke-248 Bilangan 2/2025 telah meluluskan garis panduan nama jalan, bulatan, tasik, bangunan, mercu tanda, asrama pelajar, bilik mesyuarat dan makmal universiti untuk keseragaman seiring dengan penjenamaan universiti.

5.0 GLOSARI

- 5.1 Kompleks bermaksud kumpulan bangunan atau binaan yang terdiri daripada beberapa binaan yang bercantum menjadi suatu keseluruhan (Kamus Dewan Edisi Keempat).
- 5.2 Elemen A.D.A.B bermaksud *Aspire* (Bercita-cita tinggi), *Dynamic* (Dinamik), *Agile* (Tangkas) dan *Balance* (Keseimbangan) merujuk kepada elemen pembangunan pelajar dengan komprehensif seiring dengan Nilai Teras UMPSA.

6.0 PENGGUNAAN BAHASA

- 6.1 Sebagai sebuah universiti, UMPSA mengutamakan penggunaan bahasa Kebangsaan. Keutamaan adalah menggunakan nama dalam bahasa Melayu.
- 6.2 Campuran perkataan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris atau lain-lain bahasa adalah tidak dibenarkan.

7.0 KAEDAH PENAMAAN

Garis panduan ini membahagikan kaedah penamaan di UMPSA iaitu nama jalan, bulatan, tasik, bangunan, mercu tanda, asrama pelajar, bilik mesyuarat dan makmal universiti seperti berikut;

7.1 Penamaan Fakulti/ Bangunan PTJ

Kaedah penamaan fakulti dan bangunan mengikut fungsi dan pusat tanggungjawab. Contoh: Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik /Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta/ Kompleks Sukan.

7.2 Penamaan Bangunan Guna Sama

7.2.1 Kaedah penamaan bangunan guna sama melibatkan dewan dan kompleks menggunakan nama kompleks kerana terdapat beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) di dalam bangunan tersebut. Ia juga mengambil kira fungsi PTJ di dalam bangunan tersebut.

7.2.2 Kaedah penamaan bangunan juga mengambil kira;

- i. Berdasarkan kepada individu/tokoh yang berjasa kepada universiti;

- ii. Berdasarkan fungsi jabatan bangunan tersebut;
- iii. Keutamaan adalah menggunakan nama dalam bahasa Melayu;
- iv. Campuran perkataan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris atau lain-lain bahasa adalah tidak dibenarkan;
- v. Nama-nama yang mengambil sempena nama tempat di mana projek itu dimajukan, perkataan-perkataan yang mengandungi unsur pendidikan seperti perkataan yang menunjukkan nilai dan sikap boleh juga dipertimbangkan; dan
- vi. Berdasarkan kepada penajaan daripada industri atau syarikat tertentu juga boleh dipertimbangkan.

7.2.3. Nama baharu bangunan di UMPSA Pekan.

BIL.	NAMA ASAL	NAMA BAHARU	CATATAN
1.	Canseleri UMPSA Pekan	Canseleri Tun Abdul Razak	Bersempena dengan nama Perdana Menteri Malaysia Kedua, Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein, dan nama tokoh sinonim dengan Pekan, Pahang.
2.	Dewan Konvokesyen	Dewan Tuanku Canselor (DTC)	Canselor adalah jawatan tertinggi di UMPSA.
3.	Perpustakaan UMPSA Pekan	Kompleks Ilmuwan	Dipanggil 'Kompleks Ilmuwan' kerana fungsi perpustakaan pada masa kini adalah lebih luas.
4.	Dewan Serbaguna UMPSA Pekan	Dewan Cendekia Siswa (DCS)	Melambangkan sebuah universiti yang menghasilkan insan terpelajar, intelek dan kecendekiaan.
5.	Masjid UMPSA Pekan	Masjid Al-Jazari	- UMPSA ialah sebuah universiti berteraskan kejuruteraan dan teknologi - Al-Jazari merupakan simbol kehebatan teknologi kejuruteraan

			Islam. • Menonjolkan warisan Islam dalam bidang Mekanikal, Automotif dan Robotik seiring dengan bidang pengajian UMPSA.
6.	Pusat Bahasa Moden (PBM) dan Pusat Teknologi Digital (DiTec) di UMPSA Pekan	Kompleks Digital	• Menggunakan nama 'kompleks' kerana terdapat beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) di dalam bangunan tersebut. • Mengambil kira fungsi PTJ di dalam bangunan tersebut yang berkaitan dengan digital dan bertemakan teknologi.
7.	Pusat Aktiviti Pelajar (PAP), UMPSA Pekan	Kompleks Aspirasi Siswa (KAS)	• Bangunan yang menempatkan kemudahan dan pusat rujukan siswa

7.2.4 Nama baharu bangunan di UMPSA Kampus Gambang.

BIL.	NAMA ASAL	CADANGAN NAMA BAHARU	CATATAN
1.	Canseleri UMPSA Kampus Gambang	Kompleks Perkhidmatan Akademik (KPA)	• Terdapat beberapa PTJ di dalam bangunan tersebut yang berkaitan dengan perkhidmatan akademik seperti Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses (FTKKP) dan Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)
2.	Taman Teknologi Industri di UMPSA Kampus Gambang	Kompleks Teknologi Industri (KTI)	• Berdekatan dengan Pusat Kecemerlangan Universiti dan Makmal

3.	Kompleks Pentadbiran Siswa, UMPSA Kampus Gambang	Kompleks Perkhidmatan Siswa (KPS)	Kekal nama asal kerana membawa fungsi kompleks tersebut yang memberi perkhidmatan kepada siswa seperti Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA), Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA) dan Jabatan Pendaftar.
4.	Dewan Astaka UMPSA Kampus Gambang	Dewan Astaka	Kekal nama asal
5.	Kompleks Sukan Universiti Kampus Gambang	Kompleks Sukan Universiti (KSU)	Kekal nama asal kerana membawa fungsi kompleks tersebut iaitu berkaitan sukan dan kebudayaan.
6.	Kompleks Perkhidmatan Universiti (KPU) Kampus Gambang	Kompleks Perkhidmatan Industri (KPI)	Terdapat beberapa PTJ di dalam bangunan tersebut seperti UMPSA Advanced dan Fakulti Pengurusan Industri (FPI) serta berdekatan makmal bagi keperluan industri.
7.	Dewan Terbuka di UMPSA Kampus Gambang	Arena ADAB	Dewan bagi aktiviti pelajar UMPSA

7.3 Penamaan Nama Jalan

7.3.1 Kaedah penamaan jalan adalah seperti berikut:


- i. Jalan utama dipanggil 'persiaran'.
- ii. Nama jalan utama adalah berdasarkan haluan jalan tersebut bagi memudahkan warga UMPSA dan pihak luar mengingat nama sesuatu tempat di universiti.
- iii. Jalan kecil dipanggil 'susur'.
- v. Nama jalan kecil merujuk kepada persiaran. Contohnya, Persiaran Ilmu akan diikuti dengan nombor pada susur, Susur Ilmu 1, Susur Ilmu 2 dan seterusnya bagi memudahkan pengguna mencari lokasi.

7.3.2 Nama baharu jalan di UMPSA Pekan.

BIL.	LOKASI/LALUAN/JALAN	NAMA BAHARU	CATATAN
1.	Jalan utama melalui gerbang utama sehingga ke ruang parkir Canseleri Tun Abdul Razak (CTAR)	Persiaran Ilmu	Taman Ilmuwan Berunggulan
2.	Dari Bulatan Canseleri ke Bulatan Akademia iaitu berhampiran dengan tangki air	Persiaran Cendekia	Melambangkan sebuah universiti yang menghasilkan insan terpelajar, intelek dan kecendekiaan
3.	Dari Bulatan Canseleri ke Bulatan Siswa melalui Fakulti Komputeran (FK), Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH), Masjid Al-Jazari, Bahagian Keselamatan dan Pusat Kesihatan Universiti (PKU)	Persiaran Inovasi	- Terdapat bangunan Akademi TVET Termaju dan cadangan pembangunan Pusat Universiti Industri. - Melambangkan universiti yang sentiasa mementingkan inovasi dan kreativiti.
4.	Dari Bulatan Akademia ke Tangki Air UMPSA	Persiaran Inspirasi	Di persiaran ini terdapat Akademi A.D.A.B., kemudahan sukan dan kediaman penempatan staf serta pelajar.

			Mengambil kira aktiviti utama sekitar kawasan tersebut, inspirasi kepada pelajar.
5.	Daripada Bulatan Akademia ke Bulatan Siswa melalui Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan dan Mekatronik (FTKPM) dan Tasik Harmoni dan Tasik Karisma.	Persiaran Lestari	Sepanjang jalan terdapat pembangunan kehijauan kampus dan projek Rimba Lestari 1 dan 2
6.	Daripada bulatan Siswa ke sekitar jalan Kompleks Ilmuan dan Pusat Bahasa Moden (PBM) dan Pusat Teknologi Digital (DiTec)	Persiaran Sarjana	Terdapat Perpustakaan, Pusat Bahasa Moden (PBM) dan Pusat Teknologi Digital (DiTec) di sekitar kawasan berkenaan yang merupakan tempat rujukan untuk warga universiti dan pihak luar.

7.3.3 Petunjuk peta nama persiaran di UMPSA Pekan.




7.4 Kaedah penamaan bulatan

7.4.1 Kaedah penamaan bulatan adalah berdasarkan kata nama seperti berikut;

BIL.	LOKASI BULATAN	NAMA BAHARU	CATATAN
1.	Mempunyai mercu tanda	Bulatan Canseleri	Berdekatan dengan bangunan Canseleri Tun Abdul Razak sebagai pentadbiran utama universiti
2.	Berhampiran menara tangki air UMPSA	Bulatan Akademia	Merujuk kepada kelompok intelektual dan ilmuwan Universiti
3.	Berhampiran ke pintu gerbang belakang UMPSA	Bulatan Siswa	Merujuk kepada kelompok mahasiswa UMPSA

7.4.2 Petunjuk peta nama bulatan di UMPSA Pekan.




7.5 Kaedah penamaan nama tasik

Kaedah penamaan nama tasik yang menggunakan nilai-nilai baik dan sifat terpuji seiring dengan pendekatan nilai teras UMPSA dan konsep A.D.A.B seperti berikut:

BIL.	LOKASI TASIK	NAMA BAHARU	CATATAN
1.	Tasik A berhampiran Masjid Al - Jazari	Tasik Impian	Merujuk kepada harapan dan cita-cita.
2.	Tasik B berhampiran Kompleks Ilmuwan	Tasik Dinamik	Merujuk kepada sifat aktif dan progresif.
3.	Tasik C berhampiran Tadika	Tasik Karisma	Merujuk kepada sifat pesona dan daya tarikan (aura)
4.	Tasik D berhampiran Kolej Kediaman	Tasik Harmoni	Merujuk kepada sifat seimbang dan melambangkan ketenangan

7.5.2 Petunjuk peta nama tasik di UMPSA Pekan.



7.6 Kaedah penamaan nama mercu tanda

Nama mercu tanda di UMPSA Pekan seperti berikut;

BIL.	LOKASI/LALUAN/ JALAN	NAMA	CATATAN
1.	Di belakang bangunan Canseleri Tun Abdul Razak	Menara Jam	Inspirasi dan simbolik daripada jam matahari
2.	Terletak di Bulatan Canseleri	Mercu Gading	Mercu tanda simbolik menara gading

7.7 Kaedah penamaan asrama pelajar

7.7.1 Kaedah penamaan asrama yang dicadangkan.

- i. Asrama akan mengekalkan nama Kolej Kediaman (KK).
- ii. Penamaan asrama berdasarkan sumbangan industri/agensi yang telah menyumbang sebanyak satu juta ke atas kepada universiti.
- iii. Sumbangan industri ini akan merancakkan lagi usaha terhadap pembangunan kolej kediaman, suntikan inspirasi pelajar dan menyemarakkan program serta aktiviti dalam kampus.

7.8 Kaedah penamaan bilik mesyuarat

Kaedah penamaan bilik mesyuarat adalah sempena nama Ilmuwan Islam mengikut bidang tujahan di fakulti atau PTJ.

7.9 Kaedah penamaan makmal

- 7.9.1 Kaedah penamaan makmal adalah berdasarkan bidang tujahan fakulti dan fungsian fakulti tersebut.
- 7.9.2 Berdasarkan kepada penajaan daripada industri atau syarikat tertentu juga boleh juga dipertimbangkan.

8.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 8.1.1 Pusat Komunikasi Korporat (PKK) bertanggungjawab menyediakan garis panduan yang akan menjadi rujukan kepada semua PTJ berkenaan dengan penjenamaan nama jalan, bulatan, tasik, bangunan, mercu tanda, asrama pelajar, bilik mesyuarat dan makmal.
- 8.1.2 Pusat Pembangunan dan Pengurusan Harta (PPPH) bertanggungjawab menyediakan garis panduan berkaitan kod penggunaan warna fasad bangunan yang akan menjadi rujukan kepada semua PTJ berkenaan dengan penjenamaan nama jalan, bulatan, tasik, bangunan, mercu tanda, asrama pelajar, bilik mesyuarat dan makmal.

- 8.1.3 Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah memastikan garis panduan ini dapat dipatuhi dalam memelihara keseragaman dan imej universiti di fakulti/jabatan masing-masing.

9.0 PEMAKAIAN

- 9.1 Setiap penggunaan nama jalan, bulatan, tasik, bangunan, mercu tanda, asrama pelajar, bilik mesyuarat dan makmal perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan.
- 9.2 Garis panduan ini terpakai kepada semua staf dan pelajar UMPSA termasuklah anak-anak syarikat UMPSA.

10. TARIKH KUAT KUASA

- 10.1 Pelaksanaan garis panduan ini berkuat kuasa serta-merta pada tarikh ia dikeluarkan.
- 10.2 Sebarang cadangan dan pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh dirujuk kepada:

Pusat Komunikasi Korporat
Jabatan Canseleri
Universiti Malaysia Pahang Al- Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-431 5000
E-mel : pro@umpsa.edu.my